

NO. SOALAN: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH : 21 MEI 2015

SOALAN :

YB. Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan adakah benar bahawa tanah air kita tidak pernah dijajah, tetapi hanya dinaungi dan dilindungi oleh British.

JAWAPAN: DATO SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini berpandangan bahawa Malaysia pernah dijajah oleh British. Ini merupakan satu perkara yang telah diterima oleh rakyat dan tidak perlu diperdebatkan lagi. Walau bagaimanapun, merujuk kepada dokumen Pemasyhuran Kemerdekaan 1957 (*Proclamation of Independence*) dan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 (seperti mana yang terdapat di Arkib Negara Malaysia) menyatakan hanya dua buah negeri iaitu Melaka dan Pulau Pinang terletak secara langsung di bawah jajahan takluk British. Petikan daripada Pemasyhuran Kemerdekaan 1957 adalah seperti berikut:

“DAN BAHAWASANYA oleh kerana telah bersetuju pula di antara kedua-dua pihak dalam perjanjian yang tersebut, iaitu Melaka dan Pulau Pinang hendaklah daripada tarikh yang tersebut itu tamat daripada menjadi sebahagian daripada jajahan takluk Baginda Queen, dan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen tidak lagi berhak menjalankan apa-apa jua kedaulatan baginda di atas kedua-dua negeri yang tersebut itu;”

Kuasa pentadbiran bagi negeri-negeri lain dijalankan oleh pihak British melalui Pesuruhjaya Tinggi (*High Commissioner*), Residen British (*British Resident*) dan Penasihat British (*British Adviser*) yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas urusan pentadbiran negeri-negeri tersebut. Pentadbiran British ini juga secara langsung diletakkan di bawah Pejabat Tanah Jajahan (*Colonial Office*) di London. Raja-raja Melayu

berperanan menjaga hal ehwal agama dan adat istiadat sahaja. Sehubungan itu, ini secara tidak langsung merupakan satu bentuk penjajahan.

Pada 31 Ogos 1957, Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dari pihak British. Petikan daripada Pemasyhuran Kemerdekaan 1957 adalah seperti berikut:

“BAHAWASANYA oleh kerana telah tibalah masanya bagi umat Persekutuan Tanah Melayu ini mencapai taraf suatu bangsa yang merdeka lagi berdaulat sama setimpal kedudukannya dengan segala bangsa di seluruh dunia;”

Sekian, terima kasih.